

Pemimpin pelajar sifatkan amaran PM suntikan semangat

UM 28 JUL 2001

KUALA LUMPUR 27 Julai — Majlis perwakilan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) menyifatkan amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengambil langkah radikal menyelamatkan pelajar Melayu daripada tercicir, bukan jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah.

Bagaimanapun, mereka melihat amaran itu sebagai suntikan semangat untuk menggalakkan pelajar Melayu mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Kebangsaan Malaysia (MPPUKM), Mahadi Sukarno berkata, banyak cara lain yang boleh dilakukan bagi menyelesaikan kelemahan tersebut.

“Dengan mengurangkan jumlah pelajar bumiputera di universiti,

itu tidak dapat menyelesaikan masalah,” katanya ketika dihubungi *Utusan* hari ini.

Perdana Menteri hari ini berkata, antara langkah tindakan radikal tersebut termasuk mengurangkan tempat pelajar bumiputera di IPTA, selain mengurangkan bantuan kerajaan kepada mereka.

Rasional

Mahadi berkata, semua pihak termasuk pelajar dan universiti sendiri menyedari isu kelemahan pelajar Melayu di IPTA dan sudah pun mengambil langkah untuk menangannya.

Presiden MPP, Universiti Sains Malaysia (USM), Izwandy Idris berkata, kerajaan harus mengenal pasti punca keciciran pelajar Melayu terlebih dahulu sebelum melaksanakan sebarang tindakan radikal.

Beliau berkata, secara

umum masalah tersebut memang sudah diketahui tetapi ia harus disusuli dengan tindakan yang menyeluruh dari peringkat akar umbi.

“Memang kenyataan Perdana Menteri itu boleh dikatakan suatu motivasi, tetapi dari sudut yang lain, kerajaan harus pertimbangkan pelaksanaan itu secara rasional,” katanya.

Presiden MPP, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Mohd Mushriff Abdullah berkata, amaran Perdana Menteri itu boleh dilihat dari sudut positif dan negatifnya.

Secara positif, katanya, ia menjadi cabaran kepada pelajar Melayu yang selama ini terlalu ‘manja’ dengan pelbagai ‘pemberian’ kerajaan.

“Tetapi dari sudut negatifnya, jika benar-benar dilaksanakan hal ini, adakah pelajar Melayu kita mampu ber-

saing selepas ini?” soalnya.

Sehubungan itu katanya, yang perlu ditekan ialah kecemerlangan dari peringkat sekolah lagi.

Teguran

Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (JPPUiTM), Nazrul Fazami Mohamad berkata, amaran Perdana Menteri itu merupakan teguran kepada semua supaya menyedari hakikat pelajar Melayu hari ini.

“Jika benar tindakan yang diambil terhadap pelajar, itu menandakan PM kita benar-benar serius,” katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin Perdana Menteri mempunyai pertimbangannya sendiri ketika menyatakan hal tersebut.